

# Lelaki rosakkan mesin di bank dipenjara selepas gagal bayar denda

**SIBU:** Seorang lelaki yang bertindak merosakkan Mesin Juruwang Automatik (ATM) dan Mesin Deposit Tunai (CDM) sebuah bank di sini kerana marah apabila wang bantuan tunai daripada kerajaan masih belum dimasukkan ke dalam akaunnya, dijatuhi hukuman penjara tiga tahun dan denda RM10,000 oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Majistret Flavian Edward Henry yang menerima pengakuan bersalah tertuduh, Jaquelyn Vosco, 37, turut mengarahkan tertuduh menjalani hukuman setahun penjara sekiranya gagal membayar denda tersebut.

Tertuduh bagaimanapun gagal membayar denda dan diperintah menjalani

hukuman penjara empat tahun bermula semalam.

Mengikut pertuduhan, Jaquelyn didakwa melakukan khianat dengan merosakkan satu CDM dan dua ATM sebuah bank di Jalan Kampung Nyabor pada 15 Januari lalu, kira-kira jam 9.30 malam, sekali gus menyebabkan kerugian lebih kurang RM35,000.

Sehubungan itu, tertuduh melakukan kesalahan di bawah Seksyen 427 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjaratidak kurang satu tahun dan tidak lebih lima tahun atau dengan denda atau kedua-duanya sekali jika sabit dengan kesalahan.

Fakta pertuduhan kes menyatakan, pada hari kejadian pengadu mendapat peng-

gera bank di Jalan Kampung Nyabor telah berbunyi dan apabila disiasat, pengadu mendapati skrin pemuka ATM dan CDM di bank terbabit telah dipecahkan.

Pengadu kemudian membuat laporan polis dan pada 16 Januari kira-kira jam 11 malam, pihak polis telah menahan tertuduh di sebuah rumah di Tanjung Latap.

Siasatan kemudian mendapat tertuduh bertindak memecah skrin pemuka mesin ATM dan CDM bank kerana marah apabila bantuan tunai daripada kerajaan masih belum diterimanya.

Pendakwaan kes dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Harvind Raja Gopal, manakala tertuduh tidak diwakili.